

Bil. S 48

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTI KEGANASAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari S 78/2011.
 3. Penggantian bab 4.
 4. Pindaan bab 9.
 5. Pindaan bab 11.
 6. Pindaan bab 15.
 7. Pindaan bab 65.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ANTI KEGANASAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Anti Keganasan (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 2 dari S 78/2011.

2. Bab 2 dari Perintah Anti Keganasan, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dalam takrifan “pengganas”, dengan memasukkan “secara langsung atau tidak langsung, secara tidak sah dan disenghajakan” sejurus selepas “siapa” dalam baris pertama;

(b) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan “entiti pengganas” —

““kumpulan pengganas” bermakna —

(a) mana-mana kumpulan pengganas yang —

- (i) melakukan, atau cuba untuk melakukan, perbuatan pengganas dengan apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, secara tidak sah dan disenghajakan;
- (ii) mengambil bahagian sebagai seorang subahat dalam perbuatan pengganas (sama ada atau tidak perbuatan pengganas itu berlaku); atau
- (iii) merancang atau mengarahkan yang lain untuk melakukan perbuatan pengganas (sama ada atau tidak perbuatan pengganas itu berlaku); atau
- (iv) bersubahat, menyumbang, menasihati atau menyebabkan berlakunya perbuatan pengganas oleh suatu kumpulan orang yang bertindak dengan suatu tujuan yang sama yang mana subahat, sumbangan, nasihat atau menyebabkan berlakunya itu adalah dengan senghaja

dibuat dan dengan tujuan melanjutkan perbuatan pengganas atau dengan mengetahui niat kumpulan itu untuk melakukan perbuatan pengganas (sama ada atau tidak perbuatan pengganas itu berlaku); atau

(b) mana-mana golongan orang yang diisytiharkan sebagai kumpulan pengganas di bawah bab 65(1) oleh Menteri;”.

Penggantian bab 4.

3. Bab 4 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

“Memberi atau mengumpul harta untuk melakukan perbuatan pengganas, bagi kumpulan pengganas atau pengganas.

4. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) memberi;
- (b) mengumpul;
- (c) menerima;
- (d) memiliki; atau
- (e) menyediakan,

dengan apa-apa cara, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa harta, dengan niat, dengan mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki, bahawa harta itu akan digunakan seluruhnya atau sebahagiannya —

- (i) untuk melakukan suatu perbuatan pengganas atau memudahkan untuk melakukan suatu perbuatan pengganas;
- (ii) oleh suatu kumpulan pengganas; atau
- (iii) oleh seorang pengganas,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$5,000,000, hukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 30 tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah ceraian (1) walaupun —

(a) perbuatan penganas tidak berlaku;

(b) dana itu tidak akan digunakan untuk memudahkan, atau terlibat dalam, perbuatan penganas yang khusus; atau

(c) dana itu tidak akan digunakan untuk memudahkan, atau terlibat dalam, lebih daripada satu perbuatan penganas.”.

Pindaan bab 9.

4. Bab 9 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “penganas atau” sejurus sebelum “kumpulan penganas”;

(b) dalam ceraian (1), dalam perenggan (a), dengan memasukkan “seorang penganas atau” sejurus sebelum “kumpulan penganas”;

(c) dalam ceraian (2) —

(i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan “seorang penganas atau” sejurus sebelum “anggota”;

(ii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan “seorang penganas atau” sejurus sebelum “kumpulan penganas”;

(iii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan “seorang penganas atau” sejurus sebelum “kumpulan penganas”.

Pindaan bab 11.

5. Bab 11 dari Perintah utama adalah dipinda dengan menambah ceraian baru berikut sejurus selepas ceraian (2) —

“(3) Bagi maksud-maksud bab ini, “mengambil” termasuk bersubahat, mendorong, mengapikan, menghasut, menggalakkan dan memujuk.”.

Pindaan bab 15.

6. Bab 15 dari Perintah utama adalah dipinda dengan menambah dua ceraian baru berikut sejurus selepas ceraian (2) —

“(3) Jika mana-mana artikel dari, atau berkenaan dengan, atau dikatakan berkenaan dengan, mana-mana kumpulan penganas adalah didapati dalam

milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, ia hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu adalah seorang anggota kumpulan pengganas.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, seorang anggota kumpulan pengganas termasuk —

(a) seseorang yang telah mengambil langkah-langkah untuk menjadi seorang anggota kumpulan pengganas; dan

(b) dalam kes suatu badan korporat, seorang pengarah atau seorang pegawai dari badan korporat tersebut.”.

Pindaan bab 65.

7. Bab 65 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan menambah “atau kumpulan pengganas”;

(b) dalam ceraian {1}, dengan memasukkan “atau kumpulan pengganas” sejurus selepas “pengganas” dalam baris kedua.

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 16 haribulan Jun, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM